



Nota Pintar

Kata nama khas merujuk kepada nama orang, haiwan, benda dan tempat secara khusus.

Huruf awal kata nama khas ditulis dengan huruf besar.

Orang	Haiwan	Benda	Tempat
Encik Azmi	Sang Singa	Samsung	Pudu Raya
Mei Lian	Si Comel	Adidas	Muar
Subramaniam	Pak Belang	Proton	Tadika Damai
			
Doktor Lim	Si Tikus	Proton Exora	Tugu Negara



Betul atau Salah?

SP : 5.1.1 (ii)

Pilih kata nama khas yang betul.

- Datuk ingin menjerat

Sang Kancil	Cikgu Farah

 di hutan.
- Encik Mahmud membeli beras di

Kedai Runcit Mila	Hospital Seremban

.
- Fahrul menekan loceng setibanya di rumah

Datuk Lee Wei	Sang Bedal

.
- Suhaila ke

Pusat Komputer Mega	Perpustakaan Awam Temerloh

 untuk meminjam buku.

**A** Gariskan kata nama khas yang betul.

- 1 Jarjit dan Mona tinggal di (Taman Mulia / Klinik Maju).
- 2 (Encik Rosli / Ayah) ialah seorang arkitek yang terkenal.
- 3 (Sang Kancil / Sang Buaya) ialah haiwan yang panjang akal.
- 4 Bendera (Malaysia / Indonesia) dikenali sebagai Jalur Gemilang.
- 5 Adli sekeluarga pergi bercuti ke (air terjun / Pulau Manukan) Sabah.
- 6 (Gunung Kinabalu / Gunung Everest) ialah gunung tertinggi di dunia.
- 7 Adik memelihara seekor arnab yang diberi nama (comel / Si Comel).
- 8 (Pak Cik Ramli / Pak cik) bekerja sebagai pengawal keselamatan di kilang besi.

B Gariskan dan tulis semula kata nama khas yang terdapat dalam ayat.
SP : 5.1.1 (ii)

1 Puan Airis menghantar anaknya ke sekolah.	
2 Ibu saya berasal dari Kuala Kangsar.	
3 Ayah memandu kereta Proton Saga.	
4 Si Belang haiwan yang buas dan liar.	

IC Lengkapkan perbualan dengan kata nama khas yang betul. SP : 5.1.1 (ii)

Adam	Puan Rohani	Puan Wong	Mak Long Ani
Melayu	Dewan Terbuka Taman Anggerik	Jun	Cik Mageswari

Adam : Betulkah **1** _____ akan mengadakan
Pameran Pakaian Tradisional Melayu pada bulan
2 _____ ini?

Mak Long Ani : Ya, **3** _____. Mak long telah ditawarkan untuk
mempamerkan hasil jahitan pakaian tradisional Melayu. Ada
beberapa orang rakan mak long yang turut terpilih.

Adam : Siapakah rakan-rakan mak long yang turut terpilih itu?

Mak Long Ani : Rakan-rakan mak long yang turut terpilih ialah
4 _____, **5** _____ dan
6 _____.

Adam : Apakah pakaian yang mak long akan pameran?

Mak Long Ani : Kami akan dipecahkan kepada beberapa kumpulan. Mak long
akan mempamerkan pakaian tradisional **7** _____
seperti baju kurung, baju kebaya dan baju Melayu.

Adam : Di manakah pameran itu akan diadakan?

Mak Long Ani : Pameran itu akan diadakan di **8** _____
_____.

Adam : Tahniah, mak long! Semoga berjaya.

Mak Long Ani : Terima kasih, Adam.